

14 FEB 1997

PERDANA MENTERI LAWAT SABAH DUA HARI MULAI ISNIN

KOTA KINABALU, 14 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan dua hari ke Sabah mulai Isnin ini.

Pengerusi jawatankuasa lawatan berkenaan Datuk Lajim Haji Ukin hari ini berkata Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di lapangan terbang lama di sini pukul 4 petang.

Mereka kemudian menjadi tetamu pada majlis sambutan perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri yang dijangka dihadiri 7,000 orang di Pusat Perdagangan Sabah di Teluk Likas di sini pada sebelah malamnya.

Lajim berkata, majlis anjuran kerajaan negeri itu bertujuan memberi peluang kepada penduduk negeri ini merayakan perayaan itu bersama-sama Perdana Menteri.

Keesokan harinya, Dr Mahathir selaku Presiden Umno dijangka menghadiri perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri.

Sejurus selepas itu beliau akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin bukan Islam di Sabah sebelum melancarkan kejohanan lumba basikal terkemuka di Asia -- Le Tour de Langkawi -- pada sebelah tengah hari.

Perdana Menteri dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang Selasa. -- BERNAMA

JS NMO